

# Abdullah: Sokong penuh pencalonan semula Dr. M

UM - 4 JAN 2000

16

KEPALA BATAS 3 Jan. — Naib Presiden UMNO Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua ahli UMNO membe-

ri sokongan penuh kepada pencalonan semula Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden parti.

Beliau juga berharap jawatan tersebut tidak ditentang pada pemilihan UMNO Mei depan

“Kita harap tidak ada sesiapa lagi yang dicadangkan untuk jawatan Presiden UMNO kali ini,” katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan sambutan Hari Raya kepada golongan miskin dan orang-orang tua di Kampung Bakar Kapur, di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas keputusan mesyuarat MT hari ini yang mencadangkan agar Dr. Mahathir dicalonkan semula sebagai Presiden UMNO manakala beliau sendiri dicalonkan untuk kerusi Timbalan Presiden dan kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan kali ini.

Beliau turut melahirkan rasa terharu terhadap keputusan MT UMNO untuk

mencadangkannya bagi calon iawatan Timbalan Presiden kali ini.

“Saya tidak menyangka MT akan membuat keputusan seumpama itu dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat dan kawan-kawan yang telah memberi kepercayaan untuk mencadangkan nama saya bagi jawatan itu,” katanya.

Menurut Abdullah, Ketua-ketua Perhubungan UMNO di seluruh negara akan menyampaikan cadangan dan pandangan MT itu kepada semua Ketua Bahagian untuk mendapat maklum balas.

Mengenai kedudukan Datuk Seri Mohd. Shariff Omar sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang, Abdullah berkata, perkara itu akan diputuskan oleh MT selepas Perhimpunan Agung UMNO nanti.